



KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA
SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN TIARA PERMAI
NO.2A, JALAN 2/18A
TAMAN MASTIARA, JALAN IPOH
51200 KUALA LUMPUR



Telefon : 03-61794752
Faksimile : 03-62414679
E-mel : wea0260@moe.edu.my

Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (46)
Tarikh : 12 September 2022

Semua Ibu Bapa / Penjaga

SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKLUMAN SEMAKAN SEMULA KEPERLUAN PEMAKAIAN PELITUP MUKA
DI PREMIS INSTITUSI PENDIDIKAN BAWAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN MALAYSIA**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) telah mengeluarkan Kenyataan Media Semakan Semula Keperluan Pemakaian Pelitup Muka di Premis Institusi Pendidikan Bawah Kementerian Pendidikan Malaysia bertarikh 10 September 2022.
3. Berdasarkan kenyataan media tersebut, pihak sekolah memaklumkan bahawa:
 - 3.1 Pemakaian pelitup muka semasa berada di dalam bangunan (indoor) dan di luar bangunan (outdoor) atau kawasan terbuka di kawasan institusi pendidikan adalah **mengikut pilihan individu**. Walau bagaimanapun, KPM menggalakkan pemakaian pelitup muka dalam kawasan institusi pendidikan khususnya di kawasan ramai orang dan sesak;
 - 3.2 Bagi individu bergejala seperti demam, batuk dan selesema, pemakaian pelitup muka semasa di dalam bangunan (indoor) kawasan institusi pendidikan adalah **diwajibkan**, manakala pemakaian pelitup muka di luar bangunan (outdoor) kawasan institusi pendidikan pula adalah **amat digalakkan**;
 - 3.3 Bagi individu yang dikesan positif COVID-19 semasa berada di institusi pendidikan atau asrama, mereka **diwajibkan** memakai pelitup muka semasa dirujuk ke Pusat Penilaian COVID-19 (CAC) atau fasiliti kesihatan berhampiran untuk pemeriksaan dan penilaian kesihatan; dan
 - 3.4 Di samping itu, murid **diwajibkan** memakai pelitup muka semasa menaiki bas/van sekolah atau perkhidmatan pengangkutan awam seperti bas, kereta api, teksi termasuk perkhidmatan e-hailing.
4. Penguatkuasaan bagi perkara di atas ialah pada 12 September 2022. Dimaklumkan juga bahawa KPM sentiasa komited untuk terus melakukan yang terbaik.



.../2-

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian dimaklumkan.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)

Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur